

DATE : 15 October 2012
PUBLICATION : Utusan
SECTION : Bisnes
HEADLINE : Maybank AM sasar takluk Asia

Selari hasrat bank induk sepadukan semua perniagaan pengurusan aset


Maybank AM sasar takluk Asia

Oleh SARAH NADLIN ROHIM
ekonom@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Okt. - Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM) menyasarkan untuk menjadi pemain utama dalam industri pengurusan aset di rantau Asia pada 2017.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nor' Azamin Salieh (gambar) berkata, sasaran itu selari dengan inisiatif Maybank Banking Bhd. (Maybank) untuk menyeputkan semua perniagaan pengurusan asetnya, termasuk Maybank Ventures di Malaysia, KB Capital Partners di Singapura, Pengurusan Aset KimEng di Thailand dan ATR Kim Eng di Filipina di bawah satu bunting.

"Selain itu, dengan langkah ini kami boleh mengoptimalkan keupayaan skala ekonomi, mencapai kecekapan proses kerja dan meningkatkan capaian Maybank me-



rentas serantau," katanya di sini. Beliau berkata, secara kolektif, kumpulan Maybank AM menyasarkan untuk mengelola aset di bawah pengurusan sebanyak RM37 bilion menjelang 2015 dengan jumlah pertumbuhan aset di bawah pengurusan kira-kira 50 peratus setiap tahun.

Jelajahnya, Maybank AM akan berkerjasama dengan Maybank Kim Eng untuk mengukuhkan asas kuat di dalam pelaburan bagi menyokong pelan pertumbuhan ini.

Menurutnya, Maybank AM mempunyai kekuatan unik dalam penyelidikan dan memahami secara mendalam keupayaan pasaran di negara-negara operasi.

Jelas beliau, Asia menjadi pilihan Maybank AM kerana tinjauan positif



terhadap ketahanan dan potensi ketibaikan ekonominya, di samping permintaan tinggi terhadap produk pelaburan.

Mengulas mengenai prospek di Asia, Azamin berkata, pengurusan-pengurusan aset antarabangsa memasuki pasaran Asia kerana wujud peluang-peluang pertumbuhan di rantau ini.

Katanya, para pelabur global pulak kembali ke Asia dan ASEAN kerana pasaran tersebut kini adalah syurga pelaburan.

"Di sebalik pertumbuhan ekonomi perlahan dua gergasi Asia iaitu China dan India, kami masih yakin

Asia secara keseluruhannya boleh mencatat pertumbuhan pada kadar sederhana.

"Ini disokong oleh jangkaan pertumbuhan positif dalam tempoh awal tahun ini bagi industri pengurusan aset di Asia, kecuali Jepun, yang berkembang sebanyak AS\$4 trilion menjelang 2015," katanya.

Azamin menjelaskan, pembentukan platform rantaian perdagangan ASEAN itu merupakan landasan yang membawa Maybank AM kepada peluang pertumbuhan di rantau ini.

Katanya, para pelabur global pulak kembali ke Asia dan ASEAN kerana pasaran tersebut kini adalah syurga pelaburan.

Katanya, pendorong bagi perkembangannya adalah peningkatan kekayaan di rantau ini, kenaikan kadar faedah asing dan penarikan baru aset daripada insurans dan dana persaraan.

"Matlamat kami adalah untuk memantapkan kedudukan kami di ASEAN dan kemudiannya di Asia," ujar beliau.